# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 3 MAC 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | INDUSTRI KELULUT MAMPU CAPAI JUALAN RM3.03B, BISNES, HM -21 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 2. | 84 BUBU NAGA DIRAMPAS DI PERAIRAN KUALA PERLIS, SINAR NEGERI P.PINANG/KEDAH/PERLIS, SH -29 | JABATAN PERIKANAN (DOF) |
| 3. | JURUTERA CEBURI INDUSTRI MADU, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -33 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 3/3/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG/ KEDAH/ PERLIS | 29 |



Anggota APMM menaikkan bubu naga yang dirampas di perairan Kuala Perlis kelmarin.

# 84 bubu naga dirampas di perairan Kuala Perlis

**KUALA PERLIS** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis merampas sebanyak 84 bubu naga bernilai RM6,720 di perairan Kuala Perlis di sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, kesemua bubu naga yang dijual kira-kira RM80 seunit itu dipasang di lapan lokasi berbeza iaitu sekitar jarak 0.5 hingga 1.0 batu nautika barat Kuala Perlis.

Katanya, bot peronda yang sedang melakukan Operasi Aman di perairan Kuala Perlis telah mengesan pelampung berwarna putih yang dipasang sebagai penanda kepada bubu naga yang ditinggalkan individu tidak bertanggungjawab di perairan berkenaan.

"APMM memandang serius perkara ini walaupun telah banyak rampasan bubu naga telah dilakukan sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nurulazme berkata, mata pukat bubu naga yang kecil mengakibatkan anak-anak ikan dan udang mudah masuk ke dalam perangkap jaring terbabit.

Menurutnya, tindakan tidak bertanggungjawab itu mampu menjejaskan habitat marin serta mengakibatkan hasil laut semakin berkurangan.

"Sekiranya pemilik bubu naga tersebut dapat ditahan, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

"Kesemua bubu naga tersebut dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/3/2020 | HARIAN METRO | BISNES | 21 |



# Bisnes



PENGELUARAN madu kelulut di Malaysia adalah 134,244 kilogram pada 2017.

## Industri kelulut mampu capai jualan RM3.03b

Kuala Lumpur: Industri ternakan kelulut di Malaysia berpotensi mencapai anggaran jualan maksimum sebanyak RM3.03 bilion setahun sekiranya industri terbabit terus dikembangkan dan dimajukan.

Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Dr Nur Azura Sanusi berkata, jumlah itu berdasarkan anggaran pengambilan madu kelulut oleh setiap rakyat Malaysia iaitu sebanyak 330 gram dalam tempoh setahun.

"Ketika ini, jumlah pasaran yang sudah dicapai dalam industri kelulut negara hanya RM33.6 juta, sedangkan potensi pasaran yang boleh diteroka sebenarnya jauh lebih tinggi iaitu RM67.2 juta.

"Ini membuktikan industri ternakan kelulut di Malaysia sangat berpotensi dijadikan sebagai sumber pendapatan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi dalam kalangan pengusahanya, sama ada secara kecil-kecilan atau ternakan komersial," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Dr Nur Azura adalah Ahli Jawatankuasa Penyediaan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 yang dilancarkan November tahun lalu sebagai antara usaha kerajaan untuk mengangkat industri kelulut sebagai sumber pendapatan baharu yang mampan dan kukuh.

Katanya, berdasarkan data Jabatan Pertanian pada 2017, pengeluaran madu kelulut di Malaysia adalah 134,244 kilogram (kg) dengan nilai jualan RM19.3 juta, manakala produk hiliran seperti sabun dan krim kecantikan merekodkan jualan RM143,000.

> *Jumlah pasaran dicapai dalam industri kelulut negara hanya RM33.6 juta sedangkan potensi pasaran sebenarnya RM67.2 juta"*
>
> **Dr Nur Azura**

Bagaimanapun, Dr Nur Azura berkata, jumlah pengeluaran itu masih sangat kecil berbanding permintaan pasaran iaitu 802,962kg dengan nisbah hampir enam kali ganda.

"Bagi meningkatkan lagi pengeluaran madu kelulut, beberapa strategi dikenal pasti antaranya bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan kepada pengusaha termasuk kursus dan bimbingan keusahawanan.

"Selain itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan pusat pengumpulan madu kelulut sebagai satu pusat sehenti yang menjadi rujukan dari segi piawaian, ketulenan dan pensijilan bagi memastikan semua pengusaha mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan secara tidak langsung memberi keadilan kepada pengguna," katanya.

Menyentuh aktiviti pengeksportan madu kelulut, Nur Azura berkata, sehingga 2018, Malaysia sudah mengeksport 100kg madu kelulut ke Jepun, 300kg ke Singapura dan 500kg lagi ke India, Taiwan dan China.

"Sehingga tahun itu, tiada aktiviti import membabitkan madu kelulut di seluruh negara direkodkan," katanya.

Dr Nur Azura berkata, industri itu menghadapi beberapa cabaran di peringkat pasaran dunia antaranya disebabkan masih banyak negara belum dapat mengiktiraf madu kelulut sebagai satu daripada jenis madu memandangkan rasanya yang masam dan berbeza dengan madu lebah. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/3/2020 | SINAR HARIAN | WARNA-WARNI KEHIDUPAN | 33 |

# Jurutera ceburi industri madu

Inspirasi Mohamad Aluis tercetus selepas melihat keunikan lebah kelulut

**KUCHING**

Perjalanan untuk menjadi pengusaha madu kelulut bukanlah sesuatu yang mudah buat Mohamad Aluis Hamri, 37, sebaliknya ia memerlukan tekad yang tinggi, selain semangat dan minat untuk menghabiskan apa yang telah dimulakan.

Itulah yang perlu beliau lalui dan selepas bertungkus-lumus bersama keluarganya selama hampir enam tahun, beliau kini boleh berbangga kerana dapat menikmati hasil titik peluhnya menjalankan perusahaan unik itu.

"Saya akui perjalanannya agak getir, namun dengan sokongan keluarga dan semangat untuk menghabiskan apa yang telah saya mulakan, inilah hasilnya," katanya kepada *Bernama* di Taman Agro Niranur di Sematan kira-kira 105 kilometer dari Kuching.

Menggalas tanggungjawab sebagai pengurus taman agro yang dimulakannya bersama keluarganya sejak 2014, Mohamad Aluis menganggap penglibatannya dalam industri madu kelulut itu sebagai satu kebetulan kerana latar belakang beliau adalah seorang jurutera.

"Saya mempunyai sebuah syarikat pembinaan. Inspirasi untuk menceburi industri madu kelulut ini timbul selepas saya memerhatikan serangga unik ini, cara hidupnya yang sentiasa aktif dan struktur koloninya yang teratur," katanya.

Akhir tahun 2014, Mohamad Aluis mulai mengatur langkahnya dengan mendapatkan dua sarang pertama kelulut yang diperolehnya daripada hutan paya bakau yang terdapat di Sematan.

Niatnya untuk memajukan industri madu kelulut disokong ibu bapanya yang membenarkan beliau menggunakan sebidang tanah milik keluarganya di daerah paling selatan di Sarawak untuk memulakan sebuah taman agro.

"Menjelang 2015, sebanyak 40 sarang kelulut telah dapat saya tempatkan di taman ini sebelum saya tambah menjadi 160 sarang kelulut pada tahun berikutnya dan sebanyak 180 sarang kelulut pada tahun 2017.

"Sekarang saya mempunyai sebanyak 220 sarang kelulut," katanya.



Madu kelulut yang dihasilkan Taman Agro Niranur di Sematan, Kuching.

Pengunjung menyedut madu menggunakan penyedut plastik untuk merasakan keenakan madu kelulut asli di Taman Agro Niranur, Sematan, Kuching.

Dengan penambahan sarang, usaha itu membolehkan Mohd Aluis meningkatkan hasil pengeluaran madu kelulut daripada sekitar 50 kilogram (kg) sebulan pada mulanya menjadi kira-kira 100kg ketika ini.

"Alhamdulillah, pendapatan yang pada mula-mulanya sekitar RM8,000 sebulan dapat ditingkatkan sehingga RM12,000 sekarang," katanya.

Sementara itu, Mohamad Aluis berkata, penternakan kelulut memerlukan pemerhatian kerana sebagai serangga bersaiz kecil dan tidak menyengat, ia sering menjadi sasaran serangga pemangsa yang lebih besar seperti tebuan dan lebah.

Ketika ditanya cara yang digunakan bagi menangani serangga pemangsa itu, beliau menunjuk ke arah sebatang raket badminton yang tergantung di satu sudut pondok rehat taman berkenaan.

"Itu (raket badminton) adalah salah satu 'senjata' yang saya gunakan untuk menangani tebuan dan lebah yang menceroboh sarang kelulut.

"Selain itu, saya juga mempelajari satu petua untuk meletakkan sedikit belacan berdekatan sarang kelulut kerana ia dikatakan dapat menghalau lebah atau tebuan," katanya.

Sejak dibuka kepada orang ramai pada tahun 2015, Taman Agro Niranur menerima kira-kira 40,000 orang pengunjung setiap tahun.

Seiring dengan Tahun Melawat Malaysia 2020, Mohamad Aluis menjangkakan lebih ramai lagi pengunjung khususnya dalam kalangan peminat madu kelulut akan datang ke taman berkenaan. - *Bernama*




Mohamad Aluis menunjukkan antara anugerah yang dimenanginya sepanjang mengusahakan madu kelulut di Taman Agro Niranur di Sematan, Kuching.